

**KAJIAN ADAPTASI SASTERA DAN BUDAYA
DALAM FILEM “KAKI BAKAR”**

Oleh

NUR MAISARAH BINTI MOHAMAD MUNIR

**Disertasi ini diserahkan untuk memenuhi sebahagian keperluan
Ijazah Sarjana Sastera**

FEBRUARI 2015

PENGHARGAAN

Syukur ke hadrat Ilahi dengan limpah nikmat dan kasih sayangNya, saya dapat menyempurnakan penulisan tesis ini dengan jayanya.

Setinggi-tinggi penghargaan yang tulus ikhlas buat penyelia saya iaitu Professor Dato' Seri Dr. Md Salleh Yaapar yang telah banyak membantu dan membimbing saya sepanjang proses penyiapan disertasi ini. Jasa baik dan segala ilmu yang diberikan oleh beliau tidak akan saya lupakan.

Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pensyarah Kesusasteraan yang banyak membantu dan memberi ilmu sehingga ke peringkat sarjana ini iaitu Prof. Dr. Sohaimi Abdul Aziz, Prof. Madya Dr. Siti Hajar Che Man, Prof. Madya Dr. Jelani Harun, Prof. Madya Dr. Rahimah A. Hamid, Dr. Mohamad Luthfi Abdul Rahman dan juga Dr. Halimah Mohamed Ali. Penghargaan istimewa juga buat U-Wei Saari, pengarah filem Malaysia kerana sudi meluangkan masa untuk ditemu bual.

Jutaan terima kasih yang tidak terhingga buat ibu bapa saya iaitu Mohamad Munir Bin Ibrahim dan Hasinah Binti Md. Kassim kerana sentiasa mendoakan kejayaan saya dan menjadi tulang belakang sepanjang tempoh pengajian berjalan. Terima kasih juga kepada keluarga terdekat yang banyak memberi nasihat, sokongan dan panduan selama ini.

Akhir sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada teman-teman istimewa iaitu Syed Fadzlee Umar, Ahmad Fadhli, Adibah, Najihah, Ismah, Zakia, Thoheroh, Fatin dan rakan-rakan seperjuangan yang lain kerana sentiasa membantu dan menyuntik semangat saya sepanjang proses penyiapan disertasi ini.

SENARAI KANDUNGAN

HALAMAN

Penghargaan	ii
Senarai Kandungan	iii
Senarai Rajah	vi
Senarai Gambar	vii
Abstrak	viii
Abstract	ix

BAB 1: PENGENALAN

1.0	Latar Belakang Kajian	1
1.1	Permasalahan Kajian	2
1.2	Objektif Kajian	4
1.3	Kepentingan Kajian	4
1.4	Batasan Kajian	5
1.5	Tinjauan Kajian Lepas	6
1.6	Kerangka Teori dan Metodologi Kajian	16
1.7	Organisasi Kajian	21

BAB 2: SASTERA DAN FILEM: TEORI ADAPTASI DAN PENDEKATAN SOSIOLOGI SASTERA

2.0	Pengenalan	23
2.1	Adaptasi Karya Sastera kepada Karya Filem	24
2.1.1	Sejarah Adaptasi di Barat	25
2.1.2	Adaptasi di Malaysia	25
2.1.3	Filem	27
2.1.4	Filem Berasaskan Cerpen	28

2.2	Teori Adaptasi	29
2.3	Sosiologi	36
2.3.1	Sosiologi Sastera	37
2.4	Pendekatan Sosiologi Sastera	39
2.4.1	Pendekatan Sosiologi Sastera sebagai Dokumen Sosiobudaya	40
2.5	Kesimpulan	44

BAB 3 : ANALISIS ADAPTASI CERPEN ‘BARN BURNING’ KE FILEM “KAKI BAKAR”

3.0	Pengenalan	46
3.1	Latar Belakang U-Wei Saari dan Filem-filemnya	46
3.2	Prinsip Adaptasi Filem “Kaki Bakar”	54
3.2.1	Bahagian yang Ditambah	55
3.2.2	Bahagian yang Dibuang	58
3.2.3	Bahagian yang Dikekalkan	61
3.2.4	Bahagian yang Diubahsuai	67
3.3	Kesimpulan	76

BAB 4 : ANALISIS ASPEK SOSIOBUDAYA FILEM “KAKI BAKAR” DAN CERPEN ‘BARN BURNING’

4.0	Pengenalan	79
4.1	Sejarah dan Budaya Etnik Melayu	80
4.1.1	Aspek Sosial	81
4.1.2	Aspek Ekonomi	85
4.1.3	Aspek Politik	86
4.2	Sejarah dan Budaya Etnik Jawa	88
4.2.1	Aspek Sosial	89
4.2.2	Aspek Ekonomi	93
4.2.3	Aspek Politik	95
4.3	Unsur Budaya dalam Filem “Kaki Bakar”	97
4.4	Sejarah Amerika Syarikat	101

4.5	Budaya Masyarakat Amerika Selatan	103
4.5.1	Budaya Golongan Atasan	104
4.5.2	Budaya Golongan Bawahan	106
4.6	Unsur Budaya dalam Cerpen ‘Barn Burning’	108
4.7	Perbezaan Budaya dalam Cerpen ‘Barn Burning’ dan Filem “Kaki Bakar”	113
4.8	Kesimpulan	118
 BAB 5: PERBEZAAN DAN PERGESERAN UNSUR BUDAYA DALAM FILEM “KAKI BAKAR”		
5.0	Pengenalan	121
5.1	Perbezaan dan Pergeseran Unsur Budaya Etnik Melayu dan Etnik Jawa dalam Filem “Kaki Bakar”	122
5.3	Kesimpulan	134
 BAB 6: KESIMPULAN		136
 Bibliografi		144

SENARAI RAJAH

RAJAH	TAJUK	HALAMAN
Rajah 2.0	Strategi yang boleh digunakan untuk melihat prinsip adaptasi berdasarkan cerpen.	32
Rajah 2.1	Pendekatan dalam teori sosiologi dan sastera oleh Alan Swingewood.	40
Rajah 3.0	Persamaan plot cerpen 'Barn Burning' dan filem "Kaki Bakar".	62
Rajah 4.0	Jenis-jenis bahasa Jawa.	90

SENARAI GAMBAR

GAMBAR	TAJUK	HALAMAN
Gambar 3.0	Gelaran “Jawa” yang dimasukkan oleh U-Wei Saari ke dalam filem boleh dilihat melalui sarikata dan hal ini tidak terdapat dalam cerpen ‘Barn Burning’.	56
Gambar 3.1	Penambahan aspek keagamaan melalui perbualan Kakang dan isterinya tentang persekolahan Kusuma. Kakang menegaskan bahawa dia lebih mementingkan ilmu agama berbanding ilmu persekolahan biasa.	57
Gambar 3.2	Babak pergaduhan Kusuma dengan seorang kanak-kanak kampung selepas selesai mesyuarat bersama Tok Empat dan penduduk kampung yang dikekalkan oleh pengarah filem.	66
Gambar 3.3	Watak pembantu rumah yang diubahsuai oleh pengarah filem iaitu daripada watak lelaki kepada watak perempuan.	70
Gambar 3.4	Babak najis yang telah diubahsuai oleh pengarah filem iaitu daripada najis kuda kepada najis ayam.	74
Gambar 4.0	Peta Amerika.	103
Gambar 5.0	Perbualan Kakang dengan Kusuma tentang rumah Tuan Kassim. Kakang memberitahu bahawa Tuan Kassim memperolehi kemewahan melalui cara yang salah iaitu dengan menggunakan duit subsidi.	124
Gambar 5.1	Babak penegasan Kakang kepada Kusuma tentang kepentingan jati diri etnik Jawa yang kuat dan teguh seperti dirinya.	128

**KAJIAN ADAPTASI SASTERA DAN BUDAYA
DALAM FILEM “KAKI BAKAR”
ABSTRAK**

“Kaki Bakar” adalah sebuah filem adaptasi berasaskan sebuah cerpen Amerika ‘Barn Burning’. Ia diarahkan oleh U-Wei Saari dan dihasilkan pada tahun 1995, manakala teks sastera itu diterbitkan oleh William Faulkner pada tahun 1939. Objektif kajian ini ialah untuk menganalisis dua aspek utama filem, iaitu proses adaptasi dan isu-isu budaya. Pengkaji meneliti proses adaptasi yang dilaksanakan oleh U-Wei Saari menggunakan teori adaptasi oleh John M. Desmond dan Peter Hawkes bersama dengan teori Brian McFarlane. Untuk aspek budaya pula, pengkaji menggunakan pendekatan sosiologi sastera yang diperkenalkan oleh Alan Swingewood. Kajian ini dilaksanakan melalui kombinasi kaedah kepustakaan, temu bual, pencarian maklumat di laman sesawang dan analisis tekstual. Kajian ini mendapati bahawa U-Wei Saari menggunakan pendekatan *interweaving strategy* di samping melakukan beberapa ubahsuaian besar pada aspek-aspek lain cerpen. Seterusnya, berdasarkan pendekatan sosiologi sastera, jelas terdapat satu perubahan dalam filem, khususnya berkaitan dengan masyarakat dan budaya yang terlibat. Cerpen menampilkan masyarakat Amerika dengan konflik berkaitan status sosial, manakala filem menampilkan masyarakat Malaysia, khususnya etnik Melayu dan etnik Jawa, dengan perbezaan dan pergeseran berasaskan etnik. Perbezaan dan pergeseran dalam filem berkaitan dengan cinta terhadap watan, budaya kerja, jati diri dan agama. Kajian ini penting kerana ia pertama kali dalam jenisnya. Ia menonjolkan kehebatan seorang pengarah filem Melayu yang melakukan adaptasi daripada karya sastera Amerika, khususnya daripada genre cerpen yang jarang dilakukan. Lagipun, pengarah ini berjaya menyesuaikan cerita dengan struktur masyarakat dan persekitaran budaya di Malaysia.

**A STUDY OF LITERARY AND CULTURAL ADAPTATION
IN THE FILM OF “KAKI BAKAR”
ABSTRACT**

"Kaki Bakar" is an adaptation film on an American short story 'Barn Burning'. It is a film directed by U-Wei Saari and released in 1995, while the literary text was published by William Faulkner in 1939. The objective of this study was to analyze two main aspects of the film, namely the adaptation process and cultural issues. The researcher examined the adaptation process undertaken by U-Wei Saari using the theory of adaptation by John M. Desmond and Peter as well as that of Brian McFarlane. As for the cultural aspect, the researcher utilized the sociology of literature approach introduced by Alan Swingewood. This study was conducted through a combination of library research, interviews, information search on the internet and textual analysis. The study found that U-Wei Saari used interweaving strategy in addition with major changes in other aspects of the short story. Next, based on the sociology of literature approach, it is clear that there is a shift in the film in terms of society and culture involved. The short story features American society with conflicts relating to social status, whereas the film presents Malaysian society, specifically Malays and Javanese, with ethnic-based differences and conflicts. Differences and conflicts in the film are related to love for the motherland, work culture, identity and religion. This study is important because it is the first of its kind. It highlights a Malay film director who made an adaptation of an American literary work, especially that of the short story genre, which is rarely done. Furthermore, the director has successfully adapted the story to the social structure and cultural environment in Malaysia.

BAB 1

PENGENALAN

1.0 Latar Belakang Kajian

Karya filem yang diadaptasikan daripada sastera bukannya sesuatu yang baru dalam perkembangan filem tempatan. Bermula tahun 1930-an lagi telah terdapat pelbagai filem yang diadaptasi berdasarkan cerita rakyat, karya klasik, dan novel. Misalnya, penghasilan filem Melayu pertama seperti “Leila Majnun” pada tahun 1933, filem “Hang Tuah” pada tahun 1956, filem “Puteri Gunung Ledang” tahun 1961, filem “Badang” pada tahun 1962 sehinggalah kepada era kini yang antaranya termasuk filem “ Hikayat Merong Mahawangsa” pada tahun 2011 dan yang terkini filem “Manisnya Cinta di Cappadocia” pada tahun 2014. Kesemua ini adalah filem yang telah diadaptasi daripada karya sastera tradisional atau moden. Pengarah filem yang melakukan pengadaptasian merupakan pekerja seni yang hebat kerana berjaya menukar karya berkenaan daripada satu medium kepada satu medium yang baru. Dalam dunia seni filem Melayu, antara pengarah filem yang hebat ialah U-Wei Saari.

U-Wei Saari, atau nama sebenarnya Zuhir Bin Haji Saari, merupakan seorang pengarah filem yang kritis dan kreatif. Beliau banyak menghasilkan filem yang bermutu dan mempunyai nilainya yang tersendiri. Beliau banyak mengadaptasi karya sastera kepada filem. Antara karya sastera yang diadaptasinya ialah *The Postman Always Rings Twice* novel Amerika menjadi filem “Buai Laju-laju”, cerpen ‘Barn Burning’ difilemkan menjadi “Kaki Bakar”, novel Melayu *Black Widow* diadaptasi menjadi filem “Black Widow Wajah Ayu”, novel *Juara* menjadi filem “Jogho” dan akhirnya novel Inggeris iaitu *Almayer's Folly* diadaptasi menjadi filem “Hanyut”.

Filem “Kaki Bakar” yang dipilih untuk kajian ini merupakan filem adaptasi oleh U-Wei Saari yang menggunakan karya Barat dan menghasilkan filem Melayu mengenai alam Melayu. Filem ini dihasilkan pada tahun 1995 tetapi ditayangkan enam tahun selepas itu iaitu pada tahun 2001. U-Wei Saari mendapat inspirasi daripada cerpen yang dihasilkan pada tahun 1939 oleh William Faulkner iaitu ‘Barn Burning’. Selain itu, filem “Kaki Bakar” juga telah mendapat pengiktirafan pada peringkat antarabangsa.

Filem adaptasi ini mempunyai perkaitan budaya yang amat rapat dengan masyarakat di alam Melayu. U-Wei Saari telah menerapkan unsur budaya yang berkaitan dengan etnik di alam Melayu secara jelas dan terperinci. Etnik dan budaya yang ditonjolkan dalam filem “Kaki Bakar” bukan sahaja etnik dan budaya Melayu, tetapi juga etnik dan budaya Jawa. Pola masyarakat dan budaya tersebut menggambarkan sifat sebenar masyarakat menurut pandangan dan pemerhatian U-Wei Saari sendiri. Beliau telah menetapkan dan menilai setiap aspek budaya sebelum ditonjolkan ke dalam filem agar tidak menyentuh isu-isu sensitiviti bagi setiap kaum, sama ada kaum Melayu ataupun kaum Jawa. U-Wei Saari ingin mengetengahkan budaya dua etnik tersebut ke mata dunia melalui sebuah filem yang telah diadaptasi daripada sebuah cerpen Barat. Walaupun berdasarkan cerpen Barat, U-Wei Saari bijak mengolah dan menyesuaikan mengikut budaya masyarakat di alam Melayu.

1.1 Permasalahan Kajian

Filem adaptasi daripada karya sastera berjaya menarik minat penonton di seluruh dunia. Perkara ini turut diterima oleh masyarakat di Nusantara. Kini banyak filem Melayu yang dihasilkan adalah filem adaptasi. Filem adaptasi yang dihasilkan tersebut kebanyakannya terdiri daripada adaptasi karya sastera tempatan dan amat

jarang sekali filem adaptasi yang dihasilkan berdasarkan karya sastra asing. Walau bagaimanapun, U-Wei Saari merupakan antara pengarah filem yang menghasilkan filem adaptasi berdasarkan karya sastra asing, khususnya sastra Barat, dan ini termasuklah filem “Kaki Bakar”.

“Kaki Bakar” yang dihasilkan pada tahun 1995 ialah sebuah filem Melayu yang amat bermutu. Ia telah memenangi beberapa anugerah seperti Anugerah Filem Terbaik bagi kategori bahasa asing di Festival Filem Bebas Antarabangsa Brussel ke-17 pada tahun 1995 di Belgium. Filem ini turut memenangi Anugerah Khas Juri di *1st South-East Asian Biennial Film Festival* pada tahun 1997 yang diadakan di Phnom Penh. Pengiktirafan ini telah menaikkan nama filem dan juga nama pengarahnya iaitu U-Wei Saari.

Namun, filem “Kaki Bakar” yang berdasarkan cerpen ‘Barn Burning’ masih belum dibicarakan secara meluas dan diketengahkan secara ilmiah. Hingga kini hanya terdapat beberapa kajian yang dijalankan mengenainya, dan amat sedikit mengenai aspek pengadaptasian dan tiada sebarang kajian mengenai aspek budaya. Oleh sebab itu, masih terdapat kelompondan dalam kajian tentang aspek adaptasi “Kaki Bakar” dan aspek budaya. Justeru, satu kajian harus dilakukan untuk melihat proses adaptasi yang telah digunakan oleh pengarah filem dalam menghasilkan filem “Kaki Bakar”, khususnya dengan memberi perhatian kepada aspek budaya iaitu perbezaan dan pergeseran antara budaya etnik Melayu dan budaya etnik Jawa yang ditonjolkan oleh U-Wei Saari menerusi filem tersebut.

1.2 Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti proses pengadaptasian yang dilakukan oleh U-Wei Saari dalam menghasilkan filem “Kaki Bakar” dan secara khusus meneliti aspek budaya yang ditonjolkan oleh pengarah filem tersebut. Secara terperinci, objektif kajian ini ialah:

- i) Membandingkan filem “Kaki Bakar” arahan U-Wei Saari dengan cerpen ‘Barn Burning’ oleh Faulkner, khususnya dengan meneliti bagaimana pengarah filem melakukan adaptasi yakni mengubahsuai kandungan dan struktur cerpen Barat yang berkisar pada masyarakat dan budaya Amerika Syarikat ke dalam filem Melayu yang berkisar pada masyarakat dan budaya di Malaysia.
- ii) Membandingkan persoalan budaya dalam cerpen ‘Barn Burning’ karya Faulkner dengan filem “Kaki Bakar” karya U-wei Saari.
- iii) Meneliti aspek perhubungan budaya yang ditonjolkan oleh U-Wei Saari dalam filem adaptasi “Kaki Bakar” khususnya perbezaan dan pergeseran antara budaya etnik Melayu dan budaya etnik Jawa.

1.3 Kepentingan Kajian

Setiap kajian yang dilakukan mempunyai kepentingannya yang tersendiri. Dapatan hasil kajian ini diharap boleh memberi penjelasan kepada pembaca mengenai persamaan dan perbezaan yang wujud di antara karya sastera iaitu cerpen dan karya filem. Lebih penting lagi, ia dapat memperlihatkan isu-isu perbezaan dan pergeseran etnik dan budaya dalam karya sastera dan karya filem yang dikaji. Secara khusus, kepentingan kajian ini adalah seperti berikut:

- i) Dapat memperlihatkan kreativiti pengarah filem Melayu dalam mengolah semula karya sastera Barat dalam bentuk filem dan menyesuaikan dengan alam Melayu, khususnya yang melibatkan perbezaan antara dua masyarakat dan budaya, iaitu masyarakat dan budaya Amerika serta masyarakat dan budaya di Malaysia.
- ii) Dapat memperlihatkan persamaan dan pergeseran dua budaya serumpun, iaitu budaya Melayu dengan budaya Jawa, seperti yang dijelmakan dalam filem adaptasi “Kaki Bakar”.

1.4 Batasan Kajian

Kajian ini terbatas kepada filem “Kaki Bakar” yang diarah dan diskripiikan oleh U-Wei Saari. Filem ini telah dihasilkan pada tahun 1995 tetapi ditayangkan pada tahun 2001 atas sebab-sebab yang tertentu. Selain itu, kajian juga terbatas kepada teks sastera Barat oleh Faulkner iaitu ‘Barn Burning’ yang dihasilkan pada tahun 1939. ‘Barn Burning’ merupakan antara cerpen yang hebat pernah dihasilkan oleh Faulkner.

Filem adaptasi “Kaki Bakar” dipilih sebagai bahan utama kajian kerana ia merupakan filem yang telah diadaptasi daripada karya sastera Barat. Sebagai pengarah filem, U-Wei Saari telah melakukan satu inovasi apabila ia sering menjadikan karya sastera Barat sebagai bahan utama untuk diadaptasi menjadi filem. Filem adaptasi “Kaki Bakar” memperlihatkan tema dan isu yang sama seperti yang terdapat dalam cerpen ‘Barn Burning’, tetapi dengan latar budaya yang berbeza. Justeru ia penting dan menarik untuk dikaji. Cerpen ‘Barn Burning’ yang ditulis oleh Faulkner pula merupakan antara karya sastera Barat yang mempunyai tema dan permasalahan yang menarik iaitu tentang kelas sosial dalam kehidupan masyarakat

di Barat. Ia menggambarkan masalah yang perlu dihadapi oleh masyarakat di Barat dan permasalahan itu turut berlaku kepada masyarakat di serata dunia tanpa mengira zaman dan bangsa.

1.5 Tinjauan Kajian Lepas

Adaptasi karya sastera ke filem dan aspek budaya merupakan satu isu yang kerap kali dijadikan sebagai kajian sama ada bercorak kreatif atau non-kreatif. Hasil tinjauan kajian lepas mendapati kebanyakan penulis membincangkan isu yang sama iaitu mengenai proses adaptasi yang dilakukan. Namun, filem “Kaki Bakar” kurang mendapat perhatian para pengkaji. Hanya terdapat beberapa hasil penulisan mengenai filem ini. Filem “Kaki Bakar” juga tidak dibicarakan secara meluas dan menyeluruh daripada aspek kebudayaan. Manakala, cerpen Faulkner iaitu ‘Barn Burning’ kerap kali disebut dan dibuat kajian secara global dan umum. Walaupun telah dihasilkan berpuluh tahun dahulu, tetapi cerpen ini masih mendapat tempat di hati ramai pengkaji di serata dunia. Sebaliknya, filem adaptasi “Kaki Bakar” tidak mendapat perhatian seperti cerpen yang darinya ia diadaptasi.

Secara umumnya, terdapat pelbagai buku, makalah dan tesis yang membincangkan secara mendalam mengenai hubungan sastera dengan filem atau sastera ke filem. Proses yang terlibat dalam hubungan tersebut ialah proses adaptasi kerana ia merupakan peralihan satu bentuk karya ke bentuk karya yang lain. Terdapat pelbagai kajian yang telah dilakukan atau dibincangkan mengenai proses pengadaptasian karya sastera ke filem. Namun, tidak banyak kajian tentang karya adaptasi “Kaki Bakar” oleh U-Wei Saari yang dilakukan.

Tinjauan kajian lepas yang pertama ialah mengenai filem adaptasi yang telah dilakukan oleh Gaik Cheng Khoo. Penulisan ini mengenai filem-filem U-Wei Saari

iaitu “Kaki Bakar” dan “Buai Laju-laju”. Kajian tersebut bertajuk “Gendering Old and New Malay through Malaysian auteur filmmaker U-Wei Haji Saari’s literary adaptations, *The Arsonist* (1995) and *Swing My Swing High, My Darling* (2004)”. Keseluruhan kajian ini menerangkan mengenai sosiologi masyarakat iaitu perbezaan antara gender yang terdapat dalam masyarakat Melayu dahulu dan masyarakat Melayu sekarang. Ia lebih tertumpu kepada cara pemikiran golongan lelaki dan wanita yang berbeza melalui kedua-dua buah filem ini. Hasil kajian mendapati bahawa kedua-dua filem ini mempunyai perbezaan antara pemikiran lelaki yang ingin menyara keluarganya dan pemikiran wanita yang ingin hidup mewah dengan cara yang mudah. Penulisnya berpendapat bahawa pengarah filem, iaitu U-Wei Saari memperlihatkan isu ini dengan ketara melalui kedua-dua buah filem tersebut. Penulisan ini sama sekali tiada menggunakan sebarang teori dan tiada memperlihatkan proses adaptasi yang digunakan.

Selain itu, adaptasi mengenai filem “Kaki Bakar” ini hanya dibincangkan di dalam akhbar dalam talian atau *online newspaper*. Sebagai contoh, artikel bertajuk “Filem: Kaki Bakar” (1995) oleh Zairudin Ashrafi. Artikel ini disiarkan dalam laman sesawang “chedinsphere” pada 27 April 2012. Ia hanya memberi gambaran umum tentang filem tersebut, dengan beberapa keping gambar adegan dalam filem adaptasi “Kaki Bakar”. Penulisan ini tidak menggunakan sebarang pendekatan kesusasteraan secara ilmiah. Ia hanya sebuah penulisan yang menerangkan mengenai filem tersebut secara keseluruhannya.

Di samping itu, terdapat beberapa kajian yang telah dilakukan terhadap karya Faulkner iaitu ‘Barn Burning’. Antaranya, dapat dilihat dalam buku yang bertajuk *Narratives of Socialization: Literacy in the Short Story* oleh Janet Carey Eldred. Buku ini telah diterbitkan pada tahun 1991. Kajian ini berfokuskan kepada

kepengarangan Faulkner yang dilihat lebih memberi fokus kepada aspek sistem sosial dalam penghasilan cerpen ini. Hal ini dapat dibuktikan apabila pengarang memaparkan kisah dua golongan iaitu golongan atasan yang diwakili oleh Major de Spain dan golongan bawahan yang diwakili oleh Abner. Hasil daripada kajian ini, penulis mendapati bahawa golongan atasan diibaratkan seperti menindas golongan bawahan. Pengarang menggunakan watak keluarga Abner sebagai simbol masyarakat yang tertindas. Pengkaji mendapati pengarang mengakhiri cerpen ini dengan plot yang tergantung. Sebagai contoh, pengarang meninggalkan satu persoalan kepada pembaca mengenai pemilihan hidup Sarty sama ada dia akan memilih untuk menentukan masa hadapannya sendiri ataupun menerima takdir yang telah ditetapkan kepadanya.

Kajian lepas yang seterusnya juga mengenai cerpen 'Barn Burning' iaitu sebuah makalah yang bertajuk "Sarty's Initiation in Faulkner's Barn Burning". Makalah ini ditulis oleh Liu Ke-dong dan Lin Shi-rong pada bulan Mei tahun 2013 yang berfokus kepada aspek watak dan perwatakan dalam cerpen 'Barn Burning'. Watak yang dikaji hanya difokuskan kepada watak Sarty sahaja. Menerusi cerpen 'Barn Burning', watak Sarty digambarkan sebagai seorang anak yang tersepit di antara keluarga dan keadilan dalam masyarakat. Hasil daripada kajian ini, pengkaji mendapati bahawa Sarty melalui tiga peringkat ujian yang perlu dihadapi dalam hidupnya. Peringkat pertama ialah patuh kepada semua arahan yang diberikan oleh bapanya kerana kuasa yang dimiliki oleh bapanya sebagai ketua keluarga. Peringkat kedua pula ialah perjuangan Sarty terhadap pemilihan antara keluarga mahupun keadilan. Peringkat terakhir ialah perubahan hidup Sarty yang memilih keadilan melebihi perkara-perkara lain termasuklah ikatan kekeluargaan. Pada akhirnya,

pengkaji mendapati Sarty telah memilih keadilan dan hal ini menunjukkan kematangan dirinya dalam membuat sebarang keputusan dalam hidup.

Sebenarnya, cerpen Faulkner ini telah dikaji daripada pelbagai aspek oleh ramai pengkaji. Kajian seterusnya ini dilakukan oleh Brenda Eve Sartoris yang bertajuk “Cornbote: A Feudal Custom and Faulkner’s Barn Burning”. Esei yang ditulis pada tahun 1983 ini menghuraikan tentang sistem sosial feudalisme dalam cerpen ‘Barn Burning’. Menerusi kajian ini, pengkaji membincangkan mengenai terma *cornbote* yang dapat dikaitkan dengan isu feudalisme. Sistem feudal yang diperlihatkan oleh pengarang berlaku di kampung pada tahun 1930-an. Terdapat situasi dalam cerpen yang dapat memperjelas makna *cornbote* dengan terperinci iaitu semasa Major de Spain meminta Abner supaya membayar ganti rugi akibat telah merosakkan permaidaninya dengan menolak hasil pendapatan yang diperolehi oleh Abner semasa bekerja dengannya. Hasil daripada kajian ini, pengkaji mendapati watak Abner merupakan watak yang berbeza daripada masyarakat lain kerana dia tidak dapat menerima sistem feudal pada masa tersebut dan bertindak mengikut keinginan dirinya tanpa memikirkan sistem sosial.

Di alam Melayu juga terdapat beberapa kajian, perbincangan dan penulisan mengenai adaptasi seperti mana yang telah dilakukan oleh pengkaji di Barat. Selain daripada buku, tinjauan yang dilakukan juga mendapati bahawa terdapat beberapa tesis yang berkaitan dengan adaptasi karya sastera ke filem. Misalnya, sebuah tesis sarjana sastera yang telah dihasilkan oleh Wan Hasmah Binti Wan Teh bagi memenuhi syarat pengajiannya di Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia. Tesisnya yang bertajuk *Dari Kertas Ke Layar: Transformasi Kisah Hang Tuah Dari “Hikayat Hang Tuah” dan “Sulalat Al-Salatin” ke “Puteri Gunung Ledang”* dihasilkan pada tahun 2007. Tesis ini bertujuan untuk mengkaji kisah

adaptasi Hang Tuah dalam filem “Puteri Gunung Ledang” dengan merujuk kepada teks sastera *Hikayat Hang Tuah* dan *Sulalat al-Salatin*.

Tujuan kajian ini adalah untuk melihat kesetiaan pengarah dan penulis skrip terhadap kedua-dua teks tersebut di samping mengesan keindahan karya filem dan reaksi daripada khalayak. Penulis turut membincangkan prinsip adaptasi dan intertekstualiti dalam memberi tafsiran ke atas kisah Hang Tuah. Hasil daripada kajian ini mendapati bahawa pengarah filem dan penulis skrip telah menggabungkan kedua-dua teks tersebut untuk melengkapkan kisah Hang Tuah dan Puteri Gunung Ledang. Mereka menggunakan kreativiti yang tersendiri dalam menghasilkan sebuah filem yang bakal membuatkan masyarakat mengingati semula tentang kisah Hang Tuah dalam sejarah masyarakat Melayu.

Selain itu, tesis sarjana yang dihasilkan oleh Sahidin Nitiphak juga berkaitan dengan proses adaptasi. Kajiannya bertajuk *Penampilan Sejarah Melayu Patani Dalam Filem “Puan Yai Jom Salad” (Queens of Langkasuka): Satu Kajian Perbandingan* dihasilkan pada tahun 2013 di Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia. Kajian ini memfokuskan kepada perbandingan antara filem “Puan Yai Jom Salad” (Queens of Langkasuka) dengan teks *Sejarah Kerajaan Melayu Patani* untuk melihat persamaan antara filem dengan teks sejarah. Pengkaji menggunakan kaedah adaptasi yang diperkenalkan oleh Brian McFarlane untuk melihat aspek yang ditambah, dibuang dan dikekalkan. Terdapat persamaan dan perbezaan antara teks dan filem yang dikaji dalam konteks perbandingan.

Di samping itu, terdapat juga tesis yang telah dihasilkan oleh pelajar Sarjana Sastera iaitu Mohamed Nazreen Bin Shahul Hamid yang bertajuk *Adaptasi Helaian Kertas Ke Layar Lebar: Satu Kajian Perbandingan Antara Teks Hikayat Merong*

Mahawangsa Dengan Filem "Hikayat Merong Mahawangsa", Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia pada tahun 2014. Penulis mengkaji kisah adaptasi *Hikayat Merong Mahawangsa* ke filem "Hikayat Merong Mahawangsa". Fokus kajian ini ialah untuk membandingkan antara filem dan teks daripada aspek unsur-unsur naratif iaitu plot, watak, latar, gaya penulisan dan tema. Seterusnya, menganalisis dan menilai bentuk dan kaedah adaptasi yang telah digunakan oleh pengarah dan penulis skrip filem. Hasil dapatan kajian ini mendapati bahawa pengarah filem dan penulis skrip menggunakan 'adaptasi longgar' (*loose adaptation*) untuk disesuaikan dengan jalan cerita filem ini yang umumnya diketahui menarik dan berkesan.

Selanjutnya ialah sebuah esei yang telah dihasilkan oleh Sohaimi Abdul Aziz pada tahun 2011 yang bertajuk "Lasykar Pelangi: Satu Penelitian Adaptasi Novel ke Filem". Hasil penelitian mendapati penulisan ini bertujuan untuk mengkaji prinsip pengadaptasian daripada sebuah novel ke filem dan juga melihat hubungan dalam konteks yang dianalisis. Berdasarkan penerangan beliau, dapat dilihat empat peringkat prinsip yang terdapat dalam proses pengadaptasian iaitu peringkat naratif, peringkat verbal ke visual, peringkat *enunciation* dan peringkat keseluruhan. Kajian ini melihat gambaran sejauh mana pengarah filem setia terhadap karya asal iaitu karya sastera yang telah diadaptasinya. Timbul persoalan iaitu adakah antara pengarang, penulis dan penerbit berhubung rapat dengan fahaman sastera.

Penulisan seterusnya merupakan esei yang membicarakan perhubungan karya sastera dengan teater dan filem. Esei ini disiarkan dalam *Dewan Sastera* bulan Januari pada tahun 2005. Ia bertajuk "Daripada Karya kepada Pentas dan Sinematografi: Hanya Persoalan Interpretasi Semula" yang ditulis oleh Siti Hawa Haji Salleh. Esei ini jelas membincangkan hubungan antara karya sastera dengan

pementasan teater dan filem terutamanya dalam aspek-aspek yang berbeza seperti watak dan perwatakan, plot, pemikiran dan ideologi. Penulis telah memperincikan penulisannya ini dengan menjelaskan perbezaan antara karya sastera asal dengan teater yang dipersembahkan dan filem yang dihasilkan. Menurutnya, interpretasi ini tetap akan dilakukan selagi pengkarya dan peminat menghargai karya klasik dan ingin menyetangkannya kepada masyarakat umum mengikut peredaran semasa. Hal ini dapat mengangkat martabat sesebuah masyarakat kerana karya klasik merupakan asal usul kewujudan sesebuah masyarakat.

Terdapat juga sebuah esei yang mengutarakan mengenai hubungan yang wujud antara karya sastera dengan teater dan telefilem. Esei ini ditulis oleh A. Wahab Hamzah yang bertajuk “Memindahkan Pemikiran Anwar Ridhwan daripada Novel ke Pentas dan Telefilem: *Hari-hari Terakhir Seorang Seniman* dan *Arus*”. Kajian ini menunjukkan bahawa bukan hanya aspek kesetiaan yang dapat dilihat melalui proses pengadaptasian. Tetapi terdapat pelbagai aspek lain yang dapat dilihat seperti isu, pemikiran, budaya dan nilai yang ingin disampaikan melalui teater dan telefilem. Walaupun terdapat pelbagai perubahan yang berlaku selepas karya tersebut diadaptasi, penulis mendapati banyak faedah yang diperolehi oleh pembaca dan penonton daripada sudut yang positif.

Seterusnya, kajian sastera sebagai dokumen sosiobudaya telah banyak dilakukan oleh pengkaji di dalam mahupun luar negara. Namun, yang membezakan antara setiap kajian yang dilakukan adalah daripada aspek teks dan konteks serta aspek utama yang ingin dikaji. Pengkajian budaya dalam sastera Melayu ini telah banyak dilakukan oleh para sarjana sama ada melalui karya sastera ataupun filem. Namun begitu, masih belum terdapat perbincangan mahupun kajian mengenai pendekatan mahupun perbezaan budaya dalam filem adaptasi “Kaki Bakar”.

Walau bagaimanapun, hanya terdapat satu kajian khusus mengenai filem dan budaya tetapi ia bukan kajian mengenai filem adaptasi “Kaki Bakar”. Kajian mengenai filem dan budaya ini telah dihasilkan melalui penulisan sebuah tesis. Tesis ini telah dihasilkan oleh Nurul Laili Nadhifah pada tahun 2011 di Universitas Indonesia yang bertajuk *Representasi Perempuan dalam Film Ringu dan Remake-Nya, The Ring, Ditinjau dari Pendekatan Psikoanalisa Male-Gaze dan Teknik Mise En Scene*. Penulis mengkaji filem adaptasi yang berasal dari Jepun dan Amerika daripada sudut budaya. Ia bertujuan untuk melihat perbezaan yang terdapat dalam watak perempuan melalui kedua-dua buah filem tersebut daripada sudut pandangan lelaki. Hasil kajian ini membuktikan bahawa terdapat perbezaan antara watak wanita dalam kedua-dua buah filem yang dikaji tersebut. Penulis menggunakan teori yang diperkenalkan oleh Laura Mulvey tentang *male-gaze*.

Selain itu, terdapat kajian yang memfokuskan kepada aspek budaya yang terdapat dalam filem. Ia dapat dilihat menerusi sebuah buku yang bertajuk *Black Culture in Films: A Book Review Essay*. Buku ini dihasilkan oleh Hanes Walten pada tahun 1981 dan diterbitkan oleh Clark Atlanta University. Terdapat sebuah penulisan di dalam buku ini yang bertajuk ‘Literature of Race and Culture’ yang memfokuskan kepada sastera sesebuah bangsa dan budaya. Pelbagai jenis budaya dapat dilihat dengan jelas dan terperinci menerusi filem-filem yang terpilih dalam bab tersebut. Kajian ini tidak menggunakan sebarang teori mahupun pendekatan secara ilmiah dalam melihat budaya yang terdapat dalam filem yang dikaji tersebut.

Seterusnya, penulisan yang menyentuh sudut kajian budaya oleh beberapa orang sarjana seperti Umar Junus. Beliau menghasilkan sebuah penulisan ringkas yang bertajuk “*Seroja Masih di Kolam dilihat sebagai Suatu Dokumen Sosiobudaya*” pada tahun 1986 dalam sebuah bukunya yang bertajuk *Sosiologi Sastera: Persoalan*

Teori dan Metode yang bertujuan memperlihatkan karya tersebut daripada sudut sosiobudaya. Hasil daripada penulisan tersebut, beliau telah menjelaskan unsur-unsur sosiobudaya masyarakat pada tahun 1960-an. Karya *Seroja Masih di Kolam* yang dihasilkan oleh Adibah Amin pada tahun 1968 jelas menggambarkan sosiobudaya masyarakat pada zaman penghasilannya dengan mengandungi persoalan perbezaan status sosial, perbezaan hidup di bandar dan di kampung, hubungan berkaitan aspek sosial, politik dan ekonomi secara jelas.

Terdapat beberapa buah buku yang dihasilkan oleh para sarjana mengenai budaya. Antaranya yang dihasilkan oleh Andrew Milner pada tahun 2005 yang bertajuk *Literature, Culture and Society*. Terdapat dua kajian mengenai aspek teks dan konteks dalam karya sastera. Pertama ialah “Text and Contexts: from *Genesis* to *Frankenstein*” yang menghuraikan perbincangan mengenai perkembangan karya bertajuk *Genesis*, *Paradise Lost* karya John Milton, *Frankenstein* karya Mary Shelly dan *Metropolis* karya Fritz Lang. Kajian kedua pula yang bertajuk “Text and Contexts: from Rossum’s Universal Robots to *Buffy the Vampire Slayer*”. Kajian ini menggunakan beberapa episod *Buffy the Vampire Slayer* karya Joss Whedon dan satu episod daripada karya Chris Carter yang bertajuk *The X-Files*.

Turut terdapat sebuah tesis yang berkaitan dengan aspek budaya yang dihasilkan oleh Norlizawati Md. Nor pada tahun 2009 yang bertajuk *Sastera sebagai Dokumen Budaya: Suatu Analisis Terhadap Bujang Tan Domang* di Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia. Tesis ini mengkaji perhubungan antara naskah *Bujang Nan Domang* dengan masyarakat Petalangan di Riau Sumatera. Pengkaji memfokuskan kajiannya terhadap unsur-unsur *material* dan juga *non-material* serta gabungan kedua-duanya dalam menganalisis teks *Bujang Nan Domang*. Kajian ini lebih tertumpu kepada kajian naskah sebagai data sekunder

sahaja kerana ia hanya mengkaji, mengesan dan menganalisis kehadiran unsur-unsur *material* dan *non-material* sosiobudaya masyarakat tanpa melakukan pemerhatian dan penglibatan secara langsung dalam masyarakat Petalangan di Riau Sumatera.

Selain itu, terdapat sebuah penulisan berkaitan budaya yang dihasilkan oleh S. Arifiannto bertajuk “Kontruksi Teori-teori dalam Perspektif Kajian Budaya dan Media”. Kajian ini berfokuskan kepada gabungan di antara teori-teori budaya dan media. Penulis membincangkan aspek media dalam perspektif budaya iaitu melihat dan memahami budaya yang terdapat dalam media. Seterusnya, mengkaji proses-proses budaya alternatif yang terdapat pada media dalam menghadapi arus budaya yang semakin pesat daripada semasa ke semasa. Penulisan ini menggunakan beberapa teori budaya secara ilmiah dan teratur. Namun begitu, penulisan ini sama sekali tidak mempunyai perbezaan dengan kajian yang dilakukan oleh pengkaji kerana ia melihat daripada sudut media.

Setelah melakukan beberapa tinjauan kajian lepas, didapati masih tiada pengkaji yang mengkaji adaptasi karya sastera Barat oleh pengarah Melayu mengenai alam Melayu, khususnya filem “Kaki Bakar” secara ilmiah menggunakan teori adaptasi. Seterusnya, begitu juga dengan aspek budaya yang terdapat dalam filem adaptasi tersebut masih belum terdapat sebarang kajian yang dilakukan sama ada kajian secara ilmiah mahupun tidak. Oleh sebab itu, adalah wajar dan penting untuk penulis melakukan kajian ini bagi memenuhi lompong yang terdapat dalam bidang ini agar dapat memberikan input yang baru kepada pembaca mengenai proses adaptasi dan aspek budaya yang terdapat dalam filem adaptasi “Kaki Bakar”.

1.6 Kerangka Teori

Kajian ini merupakan satu kajian yang mengkaji mengenai dua perkara. Pertama adalah mengenai adaptasi karya sastera ke filem dan kedua pula adalah kajian mengenai aspek budaya masyarakat dalam karya. Justeru, ia akan menggunakan teori adaptasi dan pendekatan sosiologi sastera. Menurut Alan Rosenthal menerusi bukunya iaitu *Writing Dokudrama: Dramatizing Reality for Film and TV* pada tahun 1995 telah menyatakan bahawa adaptasi ditakrifkan sebagai mengubah, memperbetulkan, membentuk, memotong dan mempermudah daripada sesebuah karya kepada filem (Hizairi Othman, 1997: 68). Terdapat pelbagai jenis teori dan kaedah adaptasi yang telah diperkenalkan oleh sarjana-sarjana Barat. Namun kajian ini akan menggunakan teori yang diperkenalkan oleh John M. Desmond, Peter Hawkes dan Brian McFarlane.

Teori yang diperkenalkan oleh pengkaji ini membolehkan perbincangan antara karya sastera dan filem adaptasi dilakukan dengan lebih tepat kerana ia mempunyai kerangka yang khusus untuk mengkaji filem yang diadaptasi daripada cerpen. Terdapat tiga strategi yang boleh digunakan untuk menganalisis filem yang telah diadaptasi daripada cerpen. Strategi pertama ialah *concentration strategy*. Strategi ini digunakan oleh pengarah filem dengan mengambil hampir keseluruhan elemen yang terdapat di dalam cerpen. Setiap elemen yang terdapat dalam cerpen dimasukkan ke dalam filem dan hanya melakukan sedikit penambahan untuk menghasilkan filem yang menarik dan sesuai. Strategi kedua yang boleh digunakan oleh pengarah filem ialah *interweaving strategy*. Strategi ini dilakukan dengan membuang beberapa elemen yang dirasakan tidak sesuai untuk dijadikan sebagai adegan dalam filem dan membuat perubahan atau pengembangan daripada cerpen yang telah sedia ada. Ketiga, ialah *point-of-departure strategy*. Strategi ini pula ialah

menerangkan bahawa pengarah filem membuang hampir keseluruhan idea yang terdapat dalam cerpen. Hanya beberapa elemen yang diambil misalnya seperti plot, nama watak ataupun hanya tajuk cerpen.

Seterusnya, menurut McFarlane (1996: 10), Geoffrey telah mencadangkan tiga bentuk adaptasi. Tiga bentuk tersebut adalah seperti berikut:

i) *Transposition*

- *In which a novel is given directly on the screen with a minimum of apparent interface.*

ii) *Commentary*

- *Where an original is taken and either purposely or inadvertently altered in some respect. When there has been a different intention on the part of the film-maker, rather than infidelity or outright violation.*

iii) *Analogy*

- *Which must represent a fairly considerable departure for the sake of making another work of art.*

Ketiga-tiga bentuk adaptasi tersebut mempunyai definisinya yang tersendiri. Bentuk pertama ialah *transposition* yang bermaksud adaptasi itu boleh dilakukan secara terus oleh pengarah filem dan melakukan perubahan yang minimum sahaja. Pengarah filem dan penulis skrip juga boleh mengambil keseluruhan idea sesebuah karya sastera tersebut untuk diadaptasi tanpa melakukan sebarang perubahan mengikut kreativiti mereka. *Commentary* pula ialah bentuk kedua yang memberi takrifan bahawa pengarah boleh mengubah sedikit dan mentafsir sesebuah karya sastera berdasarkan konsep penampilan dalam filem itu tanpa membuat sebarang kekerasan terhadap karya sastera yang asal. Bentuk ketiga, iaitu *analogy* bermaksud perubahan yang boleh dilakukan oleh pengarah filem untuk menghasilkan karya yang berbeza bentuknya mengikut kreativiti pengarah dan penulis skrip.

Oleh hal yang demikian, kajian ini turut akan menggunakan teori yang telah diperkenalkan oleh McFarlane. Teori ini akan digunakan secara sepenuhnya untuk menerangkan prinsip adaptasi yang digunakan oleh pengarah filem U-Wei Saari terhadap penghasilan filem adaptasi “Kaki Bakar”. Tumpuannya ialah kepada empat skop iaitu:

- i) Bahagian yang dikekalkan daripada teks ke filem.
- ii) Bahagian yang ditambah daripada teks ke filem.
- iii) Bahagian yang dibuang daripada teks ke filem.
- iv) Bahagian yang mengalami pengubahsuaian daripada teks ke filem.

Seterusnya, ialah bahagian kedua kajian iaitu mengenai aspek budaya dalam filem adaptasi “Kaki Bakar”. Bahagian kedua ini menggunakan pendekatan sosiologi sastera oleh Alan Swingewood yang dihasilkan pada tahun 1972. Filem adaptasi “Kaki Bakar” dapat dikaji dan dianalisis menggunakan pendekatan sosiologi sastera. Filem tersebut dilihat mempunyai perkaitan seperti yang diperkatakan oleh Mana Sikana (2003: 113) iaitu pengarang dan masyarakat saling mempengaruhi antara satu sama lain. Berbalik kepada kajian ini, dapat dilihat pengarah filem iaitu U-Wei Saari mempunyai hubungan yang rapat dengan masyarakat. Hal ini demikian kerana, beliau memaparkan kisah masyarakat di alam Melayu dengan jelas dan terperinci berdasarkan pengalaman hidupnya.

Tambahan lagi, menurut Mana Sikana (2003: 114) pendekatan sosiologi sastera juga boleh diaplikasikan untuk mengkaji isu-isu yang terdapat dalam sesebuah teks sastera. Jelas dilihat sesebuah karya sastera itu menggambarkan sebuah masyarakat ataupun beberapa buah masyarakat di dalamnya. Hal ini amat akrab dengan kajian ini kerana filem “Kaki Bakar” merupakan sebuah filem adaptasi yang

memaparkan budaya yang terdapat dalam dua kelompok etnik yang berbeza tetapi tinggal dalam kawasan yang sama iaitu di Malaysia.

Kajian ini akan menggunakan pendekatan yang diperkenalkan oleh Swingewood iaitu karya sastera dilihat sebagai dokumen sosiobudaya. Dapat dijelaskan bahawa sastera merupakan suatu medium yang digunakan untuk mencatat kenyataan sosiobudaya sesuatu masyarakat pada suatu masa tertentu. Pendekatan ini hanya menerangkan unsur sosiobudaya yang terdapat dalam sesebuah karya sastera. Terdapat tiga kaedah yang boleh digunakan dalam melihat aspek sosiobudaya dalam sesebuah karya sastera yang ingin dikaji. Kaedah tersebut adalah seperti berikut (Umar Junus, 1986: 4):

- i) Sesuatu unsur dalam karya sastera diambil terlepas dari hubungannya dengan unsur-unsur lain. Misalnya, unsur budaya yang dilihat dalam sesebuah karya bebas daripada unsur-unsur mahupun pengaruh lain.
- ii) Mengambil imej atau citra tentang sesuatu iaitu tentang manusia, tradisi, dunia dan sebagainya.
- iii) Mengambil motif atau tema yang terdapat dalam karya yang ingin dikaji.

Kajian ini akan menggunakan ketiga-tiga kaedah tersebut yang terdapat dalam pendekatan sosiologi sastera untuk melihat aspek sosiobudaya yang terdapat dalam filem adaptasi “Kaki Bakar”. Pendekatan ini melihat hubungan langsung antara unsur dalam suatu karya dengan unsur dalam masyarakat yang digambarkan dalam karya tersebut. Hal ini demikian kerana, pendekatan ini bertitik tolak daripada konsep karya sastera sebagai refleksi daripada realiti dan amat bertepatan dengan kajian yang dilakukan.

Justeru, kajian ini akan menggunakan dua teori adaptasi oleh Desmond dan Hawkes serta McFarlane. Ia akan digunakan sebagai rujukan untuk menerangkan proses adaptasi yang berfokus kepada aspek penambahan, pembuangan, pengekalan

dan pengubahsuaian. Seterusnya, kajian ini turut akan menggunakan pendekatan sosiologi sastera oleh Swingewood untuk melihat aspek sosiobudaya yang terdapat dalam filem adaptasi “Kaki Bakar”.

1.6.1 Metodologi Kajian

Kajian ini akan menggunakan empat kaedah iaitu kaedah kepustakaan, kaedah temu bual, kaedah pencarian di laman sesawang dan analisis tekstual. Kaedah kajian yang utama ialah kaedah kepustakaan dan kaedah ini digunakan untuk memperoleh bahan-bahan rujukan, data-data dan bahan sumber lain yang berkaitan dengan kajian. Bagi kaedah ini pengkaji telah memilih beberapa buah perpustakaan untuk mendapatkan semua bahan rujukan dan data yang berkaitan, antaranya ialah di Perpustakaan Hamzah Sendut Universiti Sains Malaysia, Perpustakaan Tun Seri Lanang Universiti Kebangsaan Malaysia, Perpustakaan Universiti Malaya, Pusat Peringatan Za’aba Universiti Malaya dan Dewan Bahasa dan Pustaka.

Bahan-bahan untuk filem seperti VCD “Kaki Bakar” (2001) diperolehi daripada koleksi peribadi pengkaji, manakala filem pendek “Barn Burning” (1960) yang dihasilkan di Barat telah dipinjam dari Perpustakaan Hamzah Sendut Universiti Sains Malaysia. Filem ini dipinjam untuk melihat proses pengadaptasian yang dilakukan oleh pengarah Barat iaitu Peter Warner sebagai rujukan kepada pengkaji.

Kaedah kedua yang digunakan dalam kajian ini ialah kaedah temu bual. Temu bual dilakukan dengan pengarah filem “Kaki Bakar” iaitu U-Wei Saari. Temu bual ini dilakukan menerusi emel. Hal ini demikian kerana, U-Wei Saari tidak berada di Malaysia semasa kajian ini dilakukan. Oleh itu, alternatif temu bual menerusi emel dilakukan. Temu bual ini membuatkan pengkaji lebih terarah kerana banyak persoalan yang telah terjawab secara terperinci dan jelas oleh pengarah filem sendiri.

Kaedah ketiga pula ialah kaedah pencarian di laman sesawang. Kaedah ini digunakan untuk mencari maklumat alternatif atau maklumat tambahan kepada sumber primer. Bahan-bahan yang dijumpai di kesemua perpustakaan tidak mencukupi untuk melengkapkan kajian ini. Oleh sebab itu, pencarian di laman web membantu sedikit sebanyak dalam menyiapkan kajian ini. Antara laman web yang digunakan oleh pengkaji ialah seperti *Google Scholar*, *Google Books*, *Google*, *Jstor* dan *Academia*. Banyak artikel dan jurnal yang dijumpai berdasarkan carian ini. Kesemua bahan-bahan yang dijumpai membantu dalam menutup lompong-lompong yang masih ada dalam menjalankan kajian ini.

Seterusnya, kaedah terakhir yang digunakan ialah kaedah analisis teks. Pengkaji menganalisis teks karya sastera iaitu cerpen ‘Barn Burning’ yang digunakan sebagai bahan utama dalam penghasilan filem adaptasi “Kaki Bakar”. Kaedah ini digunakan untuk meneliti secara jelas perbezaan antara cerpen dan filem adaptasi “Kaki Bakar”. Penelitian terhadap teks ini juga memudahkan pengkaji untuk melihat perbezaan daripada sudut adaptasi dan sudut budaya yang terdapat di antara cerpen dan filem.

1.7 Organisasi Kajian

Bab pertama kajian ini merangkumi latar belakang kajian, permasalahan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, batasan kajian, tinjauan kajian lepas, kerangka teori dan metodologi kajian serta organisasi kajian.

Bab kedua pula terdiri daripada perbincangan kerangka teori yang akan digunakan. Kajian ini memilih untuk menggunakan teori adaptasi teks sastera iaitu cerpen kepada filem yang diperkenalkan oleh Desmond dan Hawkes. Di samping itu, teori adaptasi oleh McFarlane turut digunakan untuk melihat prinsip penambahan,

pembuangan, pengekalan dan pengubahsuaian. Selain itu, kajian ini turut menggunakan pendekatan sosiologi sastera yang diperkenalkan oleh Swingewood untuk melihat aspek budaya dan masyarakat yang terdapat dalam filem adaptasi “Kaki Bakar”.

Seterusnya, ialah bab ketiga. Bab ini terdiri daripada perbincangan proses adaptasi yang digunakan oleh U-Wei Saari dalam menghasilkan filem “Kaki Bakar” dan analisis perbandingan antara teks dan filem tersebut. Analisis ini akan memperlihatkan bahagian-bahagian yang ditambah, dibuang, dikekalkan dan diubahsuai oleh pengarah filem berdasarkan teks yang diadaptasi.

Bab keempat pula terdiri daripada analisis aspek sosiobudaya yang terdapat dalam cerpen ‘Barn Burning’ dengan filem “Kaki Bakar”. Perbezaan budaya yang terdapat dalam cerpen dan filem adaptasi tersebut akan diperlihatkan oleh pengkaji secara jelas dan terperinci.

Selanjutnya, ialah bab kelima. Melalui bab ini, pengkaji akan menerangkan aspek budaya yang terdapat dalam filem “Kaki Bakar”. Di samping itu, perbezaan dan pergeseran budaya yang berlaku di antara etnik Melayu dan etnik Jawa dalam filem turut diuraikan beserta dengan contoh yang relevan.

Bab keenam merupakan bab terakhir bagi kajian ini. Bab ini menampilkan kesimpulan dan ringkasan iaitu hasil dapatan yang diperolehi sepanjang kajian ini dijalankan.

BAB 2

SASTERA DAN FILEM: TEORI ADAPTASI DAN PENDEKATAN SOSIOLOGI SASTERA

2.0 Pengenalan

Karya sastra merupakan teks yang merujuk kepada hasil seni yang disampaikan melalui bahasa dan tulisan yang memuatkan perasaan kemanusiaan yang mendalam dan kebenaran moral dengan sentuhan kesucian, keluasan pandangan dan bentuk yang mempesona. Ia adalah ungkapan peribadi manusia yang terdiri daripada pengalaman, pemikiran, perasaan, idea, semangat dan sebagainya. Terdapat persamaan antara karya sastra dan karya filem. Hal ini demikian kerana, kedua-dua bentuk seni tersebut berasaskan realiti kehidupan yang telah dicampurkan dengan imaginasi dan kreativiti.

Terdapat dua jenis karya kesusasteraan, iaitu naratif dan bukan naratif. Teks kesusasteraan naratif merupakan teks sastra yang mengandungi perkembangan plot manakala teks kesusasteraan bukan naratif pula ialah teks kesusasteraan yang tidak mengandungi plot. Filem pula terdiri daripada pelbagai jenis atau genre. Antaranya ialah filem komedi, romantik, seram, sejarah, kembara, drama keluarga, *thriller*, dan misteri. Setiap jenis filem ini mempunyai definisi dan ciri-cirinya yang tersendiri. Filem adaptasi “Kaki Bakar” yang dikaji dalam disertasi ini, umpamanya, termasuk dalam jenis drama keluarga. Ia berasal daripada karya sastra, iaitu sebuah cerpen Barat yang dihasilkan oleh William Faulkner pada tahun 1939.

Karya sastra yang hebat sering menjadi pilihan para pengarah filem untuk diadaptasi menjadi filem. Misalnya, novel *Ranjau Sepanjang Jalan* oleh Shahnnon Ahmad dijadikan filem “Ranjau Sepanjang Jalan” (1983) oleh pengarah Jamil

Sulong, novel *The Da Vinci Code* oleh Dan Brown dijadikan filem “The Davinci Code” (2006) oleh pengarah Ron Howard dan novel *Almayer’s Folly* oleh Joseph Conrad dijadikan filem “Hanyut” (2012) oleh pengarah U-Wei Saari. Filem yang diadaptasi daripada karya sastera sering mendapat sambutan yang menggalakkan daripada para penonton. Hal ini demikian kerana, pembaca ingin melihat karya yang telah dibaca dalam bentuk filem juga.

Bab ini akan berfokus kepada teori adaptasi karya sastera ke karya filem. Hal ini demikian kerana, kajian disertasi ini tertumpu kepada filem “Kaki Bakar” yang diadaptasi daripada cerpen ‘Barn Burning’. “Kaki Bakar” ialah sebuah filem Melayu arahan U-Wei Saari yang dihasilkan pada tahun 1995. Manakala ‘Barn Burning’ ialah sebuah cerpen Amerika karya Faulkner yang diterbitkan pada tahun 1939. Seterusnya, bab ini juga akan membincangkan mengenai pendekatan yang bakal digunakan untuk memahami kandungan karya, iaitu pendekatan sosiologi sastera. Pendekatan ini digunakan untuk melihat perbezaan aspek sosiobudaya yang terdapat dalam cerpen ‘Barn Burning’ dan filem adaptasi “Kaki Bakar”. Selain itu, ia juga akan digunakan untuk melihat perbezaan dan pergeseran unsur budaya dalam filem adaptasi “Kaki Bakar” .

2.1 Adaptasi Karya Sastera ke Filem

Dalam bahagian ini, pengkaji akan membincangkan mengenai sejarah perkembangan adaptasi di Barat dan di Malaysia. Pengkaji mendapati bahawa kajian ini telah lama dilaksanakan oleh para sarjana di Barat berbanding dengan sarjana tempatan. Kebanyakan pengarah filem menjadikan karya sastera sebagai sumber utama dalam penghasilan filem adaptasi berbanding karya-karya lain. Novel merupakan antara karya sastera yang banyak digunakan dalam penghasilan filem adaptasi.